

**METHOD OF PROSTRATE FOR THOSE WHO ARE UNABLE TO PERFORM IT
DUE TO ILL-HEALTH BASED ACCORDING TO FOUR SCHOOL OF FIQH**

**KAEDAH PERLAKSANAAN SUJUD BAGI YANG TIDAK MAMPU MELAKUKANNYA
BERSEBAB SAKIT MENURUT EMPAT MAZHAB FIQH**

Syed Muhammad Adib Termizi Ahmad Al jafariⁱ & Sharifah Nadirah Nasibah Ahmad Al Jafariⁱⁱ

ⁱ Ph.D, Syariah dan kehakiman Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). md_Adib1@hotmail.com

ⁱⁱ Calon Ph.D, Syariah dan Kehakiman Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). semutku.9104@yahoo.com

Abstract	<p><i>Prayers are the pillars of religion that separates between those with faith and the non-believers. Allah Taala has ordered it to be executed under any circumstances. The Prophet Muhammad SAW explained how it should be implemented as God Almighty wanted. For those who cannot follow the original way in the implementation due to illness or feasibility of the place to conduct prayers, Islam, known for its compassionate nature provides leeway for this group by giving them the flexibility, relief and a certain way for them to endure the distress experienced. These group of people should follow the outline and path that the Prophet (peace be upon him) set out for their prayers and do not perform them according to their wishes. However, there are many versions done in performing prayer for those who are not able to bow and prostrate themselves in today's Islamic society. Therefore, this study seeks to see the correct way of performing prayers for those who are not able to bow and prostrate as outlined by Shara'. The author will analyze the opinions of the four schools in this matter followed by discussing it and choosing a more vigilant opinion that is similar to the original way of performing the prayer. The results of the study found that the way in which Shara' has organized is more convenient for the community and suitable to be performed in congregation worship.</i></p> <p>Keywords: <i>Prayers, Bow, Worships, Faith, Illness.</i></p>
Abstrak	<p><i>Sembahyang adalah tiang agama dan pemisah antara keimanan dan kekafiran. Allah Taala memerintahkan agar ia dilaksanakan dalam apa jua keadaan. Nabi Muhammad pula menerangkan cara perlaksanaannya sepertimana yang dikehendaki Allah Taala. Bagi mereka yang tidak dapat mengikut cara asal dalam perlaksanaannya bersebab keuzuran ataupun tempat, agama Islam yang terkenal dengan sifat belas kasihannya telah meraikan golongan ini dengan memberi mereka kelonggaran, keringanan dan cara tertentu buat mereka sehingga kesusahan yang dialami dapat diangkat dan dijauhkan. Golongan berkeuzuran ini pula hendaklah mengikut keringanan yang telah dilakarkan oleh syarak dalam mendirikan sembahyang mereka dan tidak melakukannya mengikut kehendak mereka semata-mata. Namun, terdapat banyak versi-versi pelaksanaan sembahyang bagi mereka yang tidak mampu rukuk dan juga sujud dalam masyarakat Islam pada hari ini. Oleh yang demikian kajian ini bertujuan melihat cara pelaksanaan sembahyang bagi golongan yang tidak mampu rukuk dan sujud sepertimana yang digariskan oleh syarak. Penulis akan</i></p>

menganalisa pendapat empat mazhab dalam masalah ini kemudian membincangkannya dan memilih pendapat yang lebih berjaga-jaga dan mirip dengan cara asal pelaksanaan sembahyang. Hasil kajian mendapati bahawa cara yang dianjurkan syarak lebih memudahkan masyarakat dan sesuai untuk dilaksanakan dalam sembahyang berjamaah.

Kata kunci: Sembahyang, Rukuk, Ibadat, Iman, Sakit.

PENDAHULUAN:

Sembahyang dari segi bahasa adalah berdoa untuk kebaikan. Dari segi istilah fiqh pula adalah beberapa perkataan dan perbuatan tertentu yang dimulai dengan takbiratul ihram dan disudahi dengan salam, beserta syarat-syarat tertentu (Al Fisyni: 2009).

Dari sudut hukum sembahyang, ia dapat dibahagikan kepada dua, sembahyang fardu (wajib) dan sunat. Hanya terdapat lima jenis sembahyang yang diwajibkan Allah Taala ke atas hamba-hambanya dalam sehari semalam. Sembahyang ini dikenali dengan sembahyang lima waktu, Zohor, Asar, Maghrib, Isyak dan Subuh. Selain daripada sembahyang ini kesemuanya dihukumkan sunat sahaja.

Dalil kewajibannya daripada al-Quran adalah firman Allah Taala:

﴿وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَارْكَعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ﴾

Maksudnya, "Dirikanlah sembahyang dan tunaikanlah zakat dan rukuklah bersama orang-orang yang rukuk" (al-Quran. al Baqarah: 43).

Kata suruh dalam ayat ini menunjukkan kewajipan sembahyang lima waktu sahaja dan bukannya semua jenis sembahyang. Pengkhususan terhadap lima jenis sembahyang ini diambil daripada sabda Nabi SAW:

{فرض على النبي صلى الله عليه وسلم ليلة أسري به الصلوات خمسين، ثم نقصت حتى جعلت خمسا، ثم نودي: يا محمد، إنه لا يبدل القول لدي، وإن لك بهذه الخمس خمسين}

Maksudnya, "Telah difardukan keatas Nabi SAW pada malam Isra lima puluh sembahyang kemudian dikurangkan sehingga menjadi lima sembahyang. Kemudian diseru: "Wahai Muhammad, tidak akan berubah ketentuan di sisi ku, sesungguhnya bagi kamu ganjaran dari lima sembahyang ini seperti lima puluh" (Hadis. Al-Tarmizi. Kitab: Sembahyang. Bab: Berapa Sembahyangkah Yang Diwajibkan Allah Keatas Hambanya? #213).

Imam Abu Dawud pula meriwayatkan bahawa, seorang badwi datang bertanya kepada Nabi SAW apa yang diwajibkan keatasnya dalam Islam Baginda menjawab:

{خمس صلوات في اليوم والليلة. قال: هل علي غيرهن؟ قال: لا، إلا أن تطوع}

Maksudnya, "Hanya lima sembahyang dalam sehari semalam. Badwi itu kembali bertanya: "Apakah ke atas ku selain darinya? Baginda menjawab: "Tidak kecuali jika engkau hendak mengerjakan yang sunat" (Hadis. Abu Dawud. Kitab: Sembahyang. #391).

Sembahyang lima waktu adalah sebuah ibadat yang paling besar dalam agama Islam setelah mengucap dua kalimah syahadah. Antara hadis yang menunjukkan kemuliaan sembahyang dan kepentingannya adalah sabda Nabi SAW bahawa ia adalah tanda keimanan seseorang:

{العهد الذي بيننا وبينهم الصلاة فمن تركها فقد كفر}

Maksudnya, "Perjanjian setia antara kita (orang beriman) dan mereka (orang kafir) ialah sembahyang, maka barangsiapa meninggalkannya nescaya kafirlah dia" (Hadis. Ibnu Hibban. Kitab: Sembahyang. Bab: Ancaman Bagi Yang Meninggalkan Sembahyang. #1454).

Baginda bersabada lagi:

{من ترك الصلاة متعمدا فقد كفر جهارا}

Maksudnya, "Siapa yang meninggalkan sembahyang dengan sengaja, maka dia telah kafir terang-terangan" (Hadis. Al-Tabrani. 1995. #3348).

Sembahyang juga adalah wasilah yang paling besar dalam mendekati diri seseorang hamba kepada Allah Taala dan dalam mencapai ketenangan jiwa. Sabda Nabi SAW:

{الصلاة مثنى مثنى تشهد في كل ركعتين وتخشع وتضرع وتمسكن}

Maksudnya, "Sesungguhnya sembahyang itu dua rakaat dua rakaat, bertasyahhud pada setiap dua rakaat dan adalah kerendahan diri dan permohonan jiwa dan ketenangan hati" (Hadis. Al-Tarmizi. Kitab: Sembahyang. Bab: Khusyuk Dalam Sembahyang. #383).

CARA PERLAKSANAAN SEMBAHYANG

Nabi SAW telah menunjukkan cara pelaksanaan sembahyang dengan perbuatan Baginda dan bersabada: "Sembahyanglah kamu seperti mana kamu melihat aku bersembahyang" (Hadis. Imam Al-Bukhari. Kitab: Azan. Bab: Azan bagi musafir ketika mereka berjamaah. #631). Di samping penerangan pelaksanaan sembahyang melalui *Fi'liyyah* (perbuatan), Baginda turut menerangkannya dengan *qawliyyah* (perkataan). Hadis yang utama dalam penerangan sifat pelaksanaan sembahyang dengan cara *qawliyyah* adalah hadis yang dikenali dengan tajuk: "orang yang buruk sembahyangnya" (*al-musi' salatahu*).

Hadis yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari dari Abu Hurayrah ini menceritakan, seorang lelaki yang memasuki masjid Nabawi lalu mendirikan sembahyang, setelah mana beliau selesai mengerjakan sembahyangnya, beliau bertemu Nabi SAW, Baginda menyuruhnya mengulangi sembahyangnya kerana beliau sebenarnya belum bersembahyang. Setelah beliau mengulangi sembahyangnya, sekali lagi beliau menemui Nabi SAW, Baginda menyuruhnya mengulangi sembahyangnya. Pekara ini berlaku sebanyak tiga kali. Pada kali yang ketiga lelaki itu meminta Nabi mengajarkannya cara pelaksanaan sembahyang yang betul kerana beliau tidak mempunyai ilmu tentangnya kecuali apa yang telah dia laksanakan. Baginda lantas menerangkan sifat pelaksanaan sembahyang yang dikehendaki oleh syarak (Al-Bukhari. Kitab: Sembahyang. Bab: Nabi menyuruh orang yang tidak menyempurnakan rukuknya supaya mengulangi sembahyangnya. #793).

Selain dari hadis ini terdapat juga beberapa riwayat lain yang menerangkan cara pelaksanaan rukun-rukun sembahyang seperti sabda Nabi SAW: "Jika sujud seseorang hamba sujud bersamanya tujuh anggota, wajahnya, kedua telapak tangannya, kedua lututnya dan kedua telapak kakinya (*hujung jarinya*)" (Hadis. Muslim. Kitab: Sembahyang. Bab: Anggota sujud). Begitu juga para sahabat meriwayatkan apa yang mereka lihat dari tata cara sembahyang Nabi seperti: "Jika Nabi rukuk Baginda akan memegang kedua lututnya dengan kedua telapak tangannya sambil merenggangkan jari-jarinya . . . dan jika Baginda duduk antara dua rakaat Baginda akan duduk di atas telapak kaki kiri dan menegakkan telapak kaki kanannya" (Hadis. Abu Dawud. Kitab: Sembahyang. Bab: Pembukaan sembahyang. #731).

Pembahagian Cara Pelaksanaan Sembahyang

Cara pelaksanaan sembahyang atau yang disebut dengan rukun-rukunnya dapat dibahagikan kepada tiga:

- i. Rukun *qalbiyy* (hati). Ia adalah niat.
- ii. Rukun *qawliyy* (perkataan). Ia adalah takbiratul ihram, bacaan Al-Fatihah, tahiyat akhir bersama tasyahhud dan selawat, beserta salam pertama.
- iii. Rukun *fi'liyy* (perbuatan). Ia merangkumi berdiri, rukuk, iktidal, sujud, duduk diantara dua sujud dan duduk tahiyat akhir.

Komponen rukun *fi'liyy* dapat dikategorikan kepada tiga jenis perbuatan:

- i. Kategori rukun yang dilaksanakan secara berdiri. Kategori ini meliputi rukun berdiri dalam bertakbiratul ihram, bacaan Al-Fatihah, rukuk' dan juga iktidal.
- ii. Kategori rukun yang dilaksanakan secara duduk. Terangkum di dalamnya duduk diantara dua sujud dan duduk membaca tahiyat akhir.
- iii. Kategori rukun yang dilaksanakan secara sujud. Iaitu sujud itu sendiri. Boleh juga disatukan kategori ini dengan yang sebelumnya kerana keadaan sujud itu hampir dengan duduk atau kedua-duanya dilaksanakan dalam keadaan tubuh seseorang itu berada di bawah dan tidak dalam keadaan berdiri.

KERINGANAN DALAM CARA PERLAKSANAAN SEMBAHYANG

Terkadang seseorang itu mengalami kesakitan sehingga dia tidak mampu melaksanakan sembahyang seperti cara asalnya. Bagi golongan ini syarak memberikan mereka kelonggaran dan keringanan dalam pelaksanaan sembahyang.

Nabi SAW bersabda dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari daripada Sayyidina Imran bin Hasin:

{صل قائما فإن لم تستطع فقاعدا، فإن لم تستطع فعلى جنب}

Maksudnya, "Sembahyanglah secara berdiri, jika kamu tidak mampu (berdiri) maka secara duduk dan jika kamu tidak mampu juga maka secara mengiring" (Hadis. Al-Bukhari. Kitab: Mengqasarkan sembahyang. Bab: Jika tidak mampu duduk sembahyang secara mengiring. #1117. Ibnu Majah. Bab: Sembahyangnya orang sakit. #1223).

Hadis ini menunjukkan bahawa mereka yang tidak mampu berdiri kerana sakit dibenarkan untuk melaksanakan sembahyang secara duduk. Terdapat enam cara bagi pelaksanaan sembahyang secara duduk:

- i. Duduk *al-iftirash* ini adalah cara duduk yang paling afdal. Caranya adalah seperti duduk tahiyat awal.
- ii. Duduk *al-tarabbu'*, iaitu duduk bersila dan ia adalah cara kedua yang terafdhal.
- iii. Duduk *al-tawarruk* iaitu seperti tahiyat akhir.
- iv. Duduk *al-iq'a'* mempunyai dua cara:
 - a. Meletakkan punggung di atas lantai dengan menegakkan kedua lutut. Duduk cara ini dihukumkan makruh.
 - b. Diletakkan punggung di atas tumit kaki.
- v. Duduk *al-tamdid* iaitu dengan cara melunurkan kaki kearah kiblat. (Al Khatib:2001)

Cara rukuk bagi mereka yang bersembahyang dengan cara duduk adalah dengan mencondongkan badan sehingga kepala setentang dengan tempat sujud dan kembali kepada keadaan duduk untuk iktidal.

SEMBAHYANG MEREKA YANG TIDAK MAMPU RUKUK DAN SUJUD

Apa yang disebutkan penulis di atas adalah keringan bagi mereka yang tidak mampu berdiri. Tetapi ada dikalangan manusia yang tidak mampu untuk melaksanakan rukuk kerana sakit dipinggangnya atau tidak mampu untuk turun duduk kerana tidak mampu untuk melipat sendi lututnya atau yang tidak mampu sujud bersebab sakit di kepalanya. Golongan seperti ini juga mendapat perhatian dari syarak. Sayyidina Jabir bin Abdullau meriayatkan:

{أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَادَ مَرِيضًا فَرَأَهُ يُصَلِّي عَلَى وَسَادَةٍ، فَأَخَذَهَا فَرَمَى بِهَا، فَأَخَذَ عَوْدًا لِيُصَلِّيَ عَلَيْهِ، فَأَخَذَهُ فَرَمَى بِهِ، وَقَالَ لَهُ: صَلِّ عَلَى الْأَرْضِ إِنْ اسْتَطَعْتَ، وَإِلَّا فَأَوْمِئْ إِيْمَاءً، وَاجْعَلْ سَجُودَكَ أَخْفَضَ مِنْ رُكُوعِكَ}

Maksudnya, "Nabi SAW menziarahi seorang yang sedang sakit, lalu mendapatinya sedang bersembahyang (sujud) di atas bantal. Baginda lalu mengambil bantal tersebut dan melontarkannya. Beliau kemudian mengambil kayu untuk bersembahyang (bersujud) di atasnya, Baginda mengambilnya dan melontarkannya dan bersabda kepadanya: "Sembahyanglah di atas bumi jika kamu mampu, jika tidak maka cukup dengan berisyarat sahaja. Jadikanlah (isyarat) sujud kamu lebih rendah daripada rukuk kamu" (Hadis. Al-Baihaqi. Kitab: Sembahyang. Bab: rukuk dan sujud bagi mereka yang tidak mampu melakukan keduanya. #3768).

Dalam hadis yang lain Ibnu Umar meriwayatkan Nabi SAW bersabda kepada orang yang sakit tersebut:

{دعها عنك يعني الوسادة، إن استطعت أن تسجد على الأرض وإلا فأوم إيماء، واجعل سجودك أخفض
من ركوعك}

Maksudnya, "Tinggalkanlah ia (bantal), jika kamu mampu untuk sujud di atas bumi maka lakukanlah, jika tidak maka cukup hanya dengan memberi isyarat dan jadikan sujud kamu lebih rendah daripada rukuk kamu" (Al-Albani. T.th. #323).

Dalam hadis ini Baginda SAW tidak membenarkan seorang sahabat yang sedang sakit dan tidak mampu sujud untuk bersujud di atas bantal dan kayu. Baginda mengajarkannya supaya berisyarat bagi melambangkan sujudnya dengan cara mencondongkan badannya. Baginda juga menerangkan bahawa condongnya sebagai isyarat untuk sujud hendaklah lebih rendah dari condongnya untuk rukuk.

Para ulama mazhab telah mengeluarkan hukum dari hadis ini dan mempunyai pendapat yang telah dinyatakan dalam kitab mereka. Pendapat ulama mazhab fiqh adalah seperti berikut:

Mazhab Hanafi: (Ibnu Abidin: 2003. & Ibnu Nujaym: 2002)

Ulama Hanafi berselisih pendapat tentang cara pelaksanaan sembahyang bagi mereka yang tidak mampu rukuk dan sujud:

Pendapat pertama: Ketidakmampuan untuk melaksanakan rukuk dan sujud menggugurkan juga tuntutan berdiri, maka bolehlah dia melaksanakan sembahyangnya dengan cara duduk dan berisyarat (*al-ima'*) dengan mencondongkan badannya bagi melambangkan rukuk dan sujud.

Pendapat kedua: Tidak gugur tuntutan berdiri daripada golongan ini. Bahkan dia wajib berisyarat untuk rukuk dan sujud dalam keadaan berdiri. Terdapat juga pendapat yang mengatakan bagi mereka yang mampu duduk hendaklah melaksanakan isyarat untuk sujud dalam keadaan duduk. Ini disebabkan tempat dan gambaran duduk di dalam sembahyang adalah lebih dekat dengan sujud berbanding berdiri.

Mazhab Maliki: (Al-Amir: 2011. Al-HaT.thab: 2010 & Al-Khurashi: 1997).

Mazhab Maliki mengkehendaki mereka yang tidak mampu melaksanakan kesemua rukun *fi'liyy* kecuali berdiri untuk mengisyaratkan untuk rukuk, iktidal, sujud, duduk diantara kedua sujud, duduk tahiyat dan salam dalam keadaan berdiri. Namun jika seseorang itu mampu untuk turun dan melaksanakan duduk, hendaklah dia melakukan isyarat untuk sujud dalam keadaan duduk.

Ulama mazhab Maliki berselisih pendapat apakah isyarat untuk sujud dengan mencondongkan diri mesti lebih rendah dari rukuk atau tidak dimestikan tetapi cukup membezakannya dengan niat sahaja. Jika seseorang itu mampu melaksanakan satu rakaat dengan cara asal tetapi tidak mampu bangkit untuk rakaat kedua, hendaklah disempurnakan rakaat pertama dengan cara asal kemudian rakaat kedua dengan cara duduk.

Sebahagian pendapat dalam mazhab ini mensyaratkan mereka yang berisyarat untuk sujud dengan cara berdiri hendaklah menolak serbannya ke belakang agar tidak

menutup dahi dan juga mengisyaratkan kedua telapak tangannya seperti orang yang sedang sujud. Tetapi jika isyarat untuk sujud ini dilakukan dengan cara duduk, kedua telapak tangan hendaklah diletakkan di atas bumi.

Mazhab Al-Shafi'i: (Al-Haytami: T.th, Al-Ramli: 2012, Al-Sharbini: T.th & Al-Mahalli: 1998)

Bagi mazhab imam Al-Shafi'i, mereka yang hanya mampu berdiri sahaja wajib melaksanakan rukuk dan sujud dalam keadaan berdiri dengan mencondongkan pinggangnya jika dapat. Jikalau dia tidak mampu mencondongkan pinggangnya maka hanya dengan menundukkan lehernya dan jika tidak mampu juga maka haruslah dengan hanya memberi isyarat melalui kelopak matanya. Jika itupun tidak dapat dilakukannya maka cukuplah dengan garakkan hatinya sahaja.

Condongnya untuk rukuk hendaklah lebih tinggi daripada sujud. Seperti dia melakukan rukuk pada kadar harusnya iaitu dengan kira-kira kedua telapak tangannya dapat menyentuh lututnya. Sujudnya pula dilakukan dengan kadar kesempurnaan rukuk iaitu tulang sulbinya samarata dengan tengkuknya. Tetapi jika tidak memungkinkan sujudnya lebih rendah dari rukuk, memadailah keduanya itu pada kadar yang sama dan dia berniat untuk membezakan antara rukuk dan juga sujud.

Imam Al-Ramli berhujjah dalam mewajibkan melaksanakan rukuk dan sujud dengan cara berdiri bagi yang tidak mampu melaksanakannya dalam cara asal keduanya:

- i. Berdiri itu lebih diutamakan dan diberatkan daripada keduanya (rukuk dan sujud).
- ii. Dalam berdiri itu terkandung makna yang lebih daripada duduk.

Kaedah mengatakan pekara yang mudah dilakukan tidak gugur kerana terdapat pekara susah untuk dilakukan (*al-maysur la yasqut bi al-ma'sur*). Iaitu jika terdapat kepayahan dalam melaksanakan suruhan syarak seperti yang dikehendakinya, tetapi dia mampu melaksanakan sebahagian dari suruhan itu, maka hendaklah dilaksanakan apa yang mudah dan kepayahan tersebut tidak menggugurkan cara pelaksanaan yang dituntut syarak secara keseluruhannya.

Jika mana seseorang itu memulakan sembahyangnya dengan cara berdiri, dia akan tidak mampu untuk turun bagi melaksanakan sujud tetapi jika dia memulakan sembahyangnya dengan cara duduk dia mampu untuk sujud. Bagi imam Al-Ramli hendaklah dia mengutamakan berdiri dari sujud. Sedangkan Ibnu Hajar pula berpendapat hendaklah dia meninggalkan berdiri dan melakukan sembahyangnya dengan cara duduk untuk mendapatkan sujud. Ini disebabkan perhatian syarak terhadap sujud lebih dari perhatiannya terhadap berdiri, kerana itu berdiri tidak diwajibkan dalam sembahyang sunnat.

Mazhab Hanbali: (Al-Bahuti: 2004, Al-Maqdisi: 1995 & Al-Maqdisi: 2004)

Menurut Ibnu Qudamah bahawa mereka yang tidak mampu rukuk dan sujud hendaklah melaksanakan sembahyang dalam keadaan berdiri dan berisyarat untuk rukuk dan sujud. Jika dia mampu untuk duduk hendaklah dia duduk kemudian baru berisyarat untuk sujud dari keadaan duduknya. Ini bersebab gugurnya sesebuah fardu tidak menjadi penyebab gugurnya fardu lain yang mampu dikerjakannya. Maka tidak boleh meninggalkan duduk antara dua sujud dengan alasan tidak mampu untuk bersujud.

Mereka juga berpegang kepada firman Allah Taala dalam mewajibkan berdiri dan berisyarat darinya:

﴿وَقُومُوا لِلَّهِ قَانِتِينَ﴾

Maksudnya, "Berdirilah kerana Allah (dalam sembahyang) dengan khusyuk" (al-Quran. Al-Baqarah: 238)

Dalam sebuah riwayat Imam Ahmad bahawa beliau menyukai seseorang itu untuk sujud di atas bantal atau sesuatu apa jua sekalipun di atas lengannya daripada hanya berisyarat untuk sujud dengan mencondongkan badannya sahaja. Beliau mengambil dalil daripada perbuatan Ummu Salamah yang sujud di atas bantal ketika matanya sakit.

Kesimpulan Pendapat Para Imam Mazhab

Daripada nas fuqaha empat mazhab di atas didapati mereka bersepakat bahawa orang yang tidak mampu sujud hendaklah menggantikannya dengan berisyarat dalam keadaan berdiri. Mereka bersandar kepada hadis Nabi SAW yang menyuruh seorang sahabat yang tidak dapat sujud untuk berisyarat "*sembahyanglah (sujud) di atas bumi, jika kamu tidak mampu maka berisyaratlah untuknya, dan jadikan (isyarat) sujud kamu lebih rendah daripada rukuk*".

Namun terdapat segelintir fuqaha seperti dari mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali yang menuntut dilaksanakan isyarat yang menggantikan sujud itu dalam keadaan duduk jika dia mampu. Tujuan dari tuntutan ini adalah kerana berduduk itu lebih hampir kepada gambaran sujud berbanding berdiri. Selain itu ia juga bertujuan agar dapat dilaksanakan sebahagian rukun-rukun sujud seperti meletakkan kedua lutut di atas tanah. Ini disebabkan apa yang tidak boleh dilakukan semuanya, tidak ditinggalkan kesemuanya (*ma la yudraku kulluhu la yutraku ba'duhu*) dan pekara yang mudah tidak gugur kerana terdapat pekara yang susah (*al-maysur la yasqut bi al-ma'sur*).

SEMBAHYANG MENGGUNAKAN KERUSI

Menggunakan kerusi dalam melaksanakan sembahyang adalah sebuah pekara yang tidak dilakukan oleh generasi sebelum ini daripada zaman sahabat sehingga baru-baru ini. Oleh yang demikian diperlukan ijtihad baru dalam keharusannya, cara perlaksanaannya dan batasan-batasannya.

Adanya Kerusi Di Zaman Nabi SAW

Terdapat beberapa riwayat yang menunjukkan Nabi SAW sembahyang secara duduk seperti setelah peperangan Uhud, ketika Nabi SAW sedang sakit dan seumpamanya. Kesemua riwayat ini tidak menunjukkan penggunaan kerusi. Persoalan pertama yang perlu di tanya apakah kerusi itu telah ada di zaman Nabi SAW.

Persoalan ini perlu dijawab sehingga dapat dikategorikan ketidakadaan penggunaan kerusi di zaman Nabi kerana *al-tarku al-wujudi* iaitu sebuah pekara itu telah ada di zaman wahyu tetapi ia ditinggalkannya, atau dikeranakan *al-tarku al-adami* iaitu sebuah pekara yang telah ada di zaman wahyu tetapi Baginda dan sahabat tidak menggunakannya. Bahagian kedua pula terbahagi kepada dua cabang *tarku ghayri al-maqsud* iaitu pekara itu tidak diperlukan pada zaman tersebut dan *tarku al-maqsud* iaitu keperluan kepadanya telah ada dan tidak ada halangan untuk digunakan tetapi Nabi dan para sahabat tetap tidak menggunakannya (Al-Maliki: t.th. Malah: 2010 & Al-Shatibi: 2003).

Terdapat beberapa riwayat yang menunjukkan Nabi dan sahabat ada menggunakan kerusi untuk duduk di luar sembahyang:

- i. Imam Muslim meriwayatkan bahawa Abu Rifa'ah mendatangi Nabi SAW sedangkan Baginda sedang berkhotbah. Beliau lalu bertanya kepada Nabi: "Wahai Rasulullah seorang lelaki asing datang untuk bertanya mengenai ugamanya, dia tidak tahu mengenai ugamanya" Nabi SAW lantas meninggalkan khotbah Baginda dan mendatangi ku lalu dibawakan untuk Nabi sebuah kerusi yang mana aku fikir kakinya diperbuat dari besi. Baginda lalu duduk di atas kerusi tersebut dan mengajari ku apa yang telah diajarkan Allah Taala kepada Baginda. Setelah selesai Baginda berkhotbah dan menyempurnakannya" (Hadis. Muslim. Kitab: Sembahyang Jumaat. Bab: Mengajar Dalam Berkhotbah).

Berkata Imam Al-Nawawi (T.th): "Duduknya Nabi di atas kerusi supaya orang ramai dapat mendengar percakapan Baginda dan melihat dirinya".

- ii. Imam Abu Dawud meriwayatkan bahawa Sayyidina Ali didatangkan kerusi lalu duduk di atasnya” (Hadis. Abu Dawud. Kitab: Bersuci. Bab: Sifat Wuduknya Nabi. #113).
- iii. Imam Al-Bukhari meriwayatkan daripada Abu Wail: “Aku duduk bersama Shaybah (bin Osman bin Talhah) di atas kerusi di sisi Kaabah lalu aku berkata kepada Shaybah bahawa aku melihat Sayyidina Umar pernah duduk di tempat ini” (Hadis. Al-Bukhari. Kitab: Haji. Bab: Kiswah Ka’bah. #1594).

Terdapat banyak riwayat lain menunjukkan bahawa para sahabat duduk di atas kerusi di luar sembahyang. Periwatan ini menunjukkan bahawa para sahabat telahpun mengenali kerusi tetapi tidak menggunakannya dalam sembahyang mereka. Ini menjadikan penggunaan kerusi dalam bahagian *tarku al-maqsud*.

Hukum Menggunakan Kerusi Dalam Sembahyang

Telah disebutkan bahawa penggunaan kerusi dalam sembahyang tidak berlaku dalam masyarakat Islam kecuali kebelakangan ini. Ia adalah sebuah gambaran yang baru di lihat dalam ibadah sembahyang. Disebabkan ia adalah perkara yang baru berlaku maka tidak didapatkan perbincangan mengenainya dalam kitab-kitab fiqh klasik. Keadaan ini memerlukan ijtihad yang baru dalam menyingkapi hukum penggunaan kerusi bagi mereka yang tidak mampu rukuk atau sujud dalam sembahyang.

Gambaran penggunaan kerusi bagi mereka yang tidak mampu rukuk dan sujud adalah mereka menyempurnakan rukun berdiri kemudian setelah itu mereka duduk di atas kerusi dan berisyarat bagi melambangkan rukuk dengan mencondongkan badannya ke hadapan, demikian juga halnya untuk rukun sujud. Sedangkan duduk antara dua sujud dan tahiyat mereka hanya duduk seperti biasa di atas kerusi tersebut.

Para ulama masa kini telah berselisih dalam masalah ini kepada dua pendapat:

Pendapat pertama: Tidak harus sembahyang menggunakan kerusi dan sembahyang itu batal (al-Majlis al-Islami li al-Ifta bi Bayt al-Maqdis: 2010 & Haqqi: T.th). Bagi mereka seseorang yang tidak mampu melaksanakan rukuk dan sujud hendaklah berisyarat menggantikan keduanya dalam keadaan berdiri atau dalam keadaan duduk di atas tanah. Jika dia tidak mampu berdiri atau duduk di atas tanah maka barulah diizinkan menggunakan kerusi. Sheikh Khashi Haqqi menyandarkan pendapat ini kepada Sheikh Atiyyah Saqar yang dinukilkannya daripada kitab fatwa Atiyyah Saqar “*Ahsan al-Kalam*”. Namun ketika penulis merujuk kepada kitab tersebut, didapati bahawa Sheikh Atiyyah tidak menghukumkan batal sembahyang seseorang di atas kerusi kerana keuzuran, tetapi beliau menghukumkan batal sembahyang orang yang mampu berdiri tetapi melaksanakannya dengan cara duduk (Saqar: 2011).

Hujah asas mereka adalah hadis Nabi SAW: “*Sembahyanglah di atas bumi jika kamu mampu, tetapi jika tidak maka berisyaratlah dengan isyarat*”.

Disamping itu pendapat ini juga besandar kepada pendapat-pendapat imam mazhab yang mengatakan bahawa gantian bagi yang tidak mampu rukuk atau sujud adalah berisyarat untuknya dengan cara berdiri. Hujah pendapat ini dapat disimpulkan juga kepada beberapa perkara lain:

1- Imam Al-Shatibi menyebutkan dalam bahagian *tarku al-maqsud*, jika sesuatu perkara itu berkeperluan di zaman Nabi tetapi mereka tidak melakukannya bukan dengan sebab adanya penghalang maka perkara itu tidak harus dilakukan bersebab ia bukanlah masalah yang diiktiraf oleh Syarak. Sebelum kenyataan ini digunakan dalam masalah penggunaan kerusi dalam sembahyang, perlu disemak dahulu adakah terdapat tujuan lain dalam peninggalan Nabi dan para sahabat dari menggunakan kerusi dalam sembahyang (Al-Shatibi: 2003).

Hujah di atas dapat disanggah dengan: Baginda dan sahabat tidak menggunakan kerusi dalam sembahyang mereka adalah untuk memperlihatkan sifat perhambaan, kerendahan, kehinaan dan pengharapan kepada Allah Taala. Inilah sifat yang mereka dikenali dengannya di luar sembahyang apa lagi dalam sembahyang menghadap Allah

Taala. Antara sifat yang dilahirkan oleh keinginan memperlihatkan perhambaan yang sempurna terhadap Allah Taala adalah menyukai duduk di atas tanah berbanding kerusi.

Imam Al-Tabrani meriwayatkan daripada Ibnu Abbas bahawa Nabi SAW duduk di atas tanah dan makan di atas tanah (Hadis: Al-Tabrani. 1983. #12494). Dalam riwayat yang lain Nabi bersabda, "*Aku makan seperti makannya seorang hamba dan aku duduk seperti duduknya seorang hamba, sesungguhnya aku hanyalah seorang hamba*" (Hadis. Abdul Razzaq. Kitab: Al Jami'. Bab: Makan Dengan Tangan Kanan. #19543).

Jika sifat merendah diri Nabi SAW di luar sembahyang menjadikannya gemar duduk di atas tanah dan menghalangnya dari sering menggunakan kerusi, apatah lagi dalam sembahyang. Ia adalah tempat yang paling patut seorang hamba menunjukkan sifat rendah diri, hina dan pengharapan di hadapan Tuhannya.

Daripada riwayat yang disebutkan di atas berkemungkinan ketiadaan riwayat yang menunjukkan Nabi SAW atau para sahabat menggunakan kerusi dalam pelaksanaan sembahyang walau mereka perlu untuk duduk adalah disebabkan tawaduknya mereka dan ingin menunjukkan sifat kehinaan di hadapan Allah Taala. Adanya kemungkinan yang kuat ini tidak boleh dikatakan penggunaan kerusi adalah haram dengan menggunakan kaedah yang disebutkan oleh Imam Al-Shatibi. Kerana keinginan menghinakan diri di hadapan Allah Taala menjadi penghalang bagi mereka dari menggunakan kerusi.

2- Nabi SAW membenarkan mereka yang tidak mampu melaksanakan sembahyang dengan cara berdiri untuk duduk. Adapun mereka yang tidak mampu bersujud pula tidak termasuk dalam kategori kumpulan yang tidak mampu berdiri. Bagi golongan ini Nabi SAW mengajarkan mereka supaya berisyarat menggantikan sujud. Maka meninggalkan berdiri untuk duduk di atas kerusi adalah menyalahi penerangan Nabi SAW. Sedangkan Baginda menyuruh seseorang itu melaksanakan sembahyang sebagaimana yang diajarkan Baginda.

Tambahan pula perbuatan sembahyang adalah *tawqifi* yang terhenti pada petunjuk Nabi SAW, ia tidak dapat diijtihadkan terlebih lagi jika ijtihad itu mengeluarkan sebuah gambaran yang tidak dikenali oleh Syarak.

3- Duduk di atas kerusi terkeluar daripada gambaran sembahyang yang asal. Mengekalkan gambaran asal sembahyang adalah lebih baik daripada terkeluar darinya sama sekali. Ini kerana duduk di atas kerusi tidak menyerupai berdiri, ia juga tidak sama dengan gambaran duduk tahiyat ataupun sujud. Duduk di atas kerusi adalah sebuah gambaran baru yang jauh daripada ketiga-tiga gambaran perbuatan sembahyang yang asal.

4- Sebahagian mereka yang menggunakan kerusi untuk rukuk atau sujud akan meninggalkan iktidal dalam keadaan berdiri atau melaksanakan duduk diantara dua sujud sedangkan mereka mampu untuk turun. Ini dapat dilihat apabila mereka mampu duduk di bawah untuk makan dan seumpamanya.

Kaedah mengatakan setiap perbuatan sembahyang yang mampu dilakukan dengan cara asalnya hendaklah dilaksanakan sepertimana cara asalnya. Rukun *fi'liyy* yang mampu dilakukan tidak akan luput kerana ada rukun *fi'liyy* lain yang tidak dapat dilakukan.

5- Jenis keringanan yang diperolehi oleh mereka yang tidak dapat melaksanakan mana-mana rukun sembahyang adalah keringanan dengan gantian *takhfif al-ibdal*. Dalam hal ini, jika yang digantikan atau yang digugurkan itu ditsabitkan dari nas, yang menggantikannya juga perlu sabit daripada nas. Mereka yang tidak mampu berdiri dalam sembahyang, yang mana ia sabit daripada nas, digantikan dengan duduk yang mana ia juga sabit daripada nas. Yang tidak mampu berpuasa digantikan dengan membayar fidyah, kedua-duanya sabit daripada nas. Demikian pula yang tidak mampu bermalam di Mina digantikan dengan membayar dam (Al-Sarah: T.th).

Sama halnya dengan mereka yang tidak mampu bersujud, ia harus digantikan dengan sesuatu yang tsabit dengan nas. Cara gantian yang hanya tsabit dengan nas dalam permasalahan ini adalah berisyarat dalam keadaan berdiri. Kerana itu tidak ada sebuah mazhab yang menggantikan gambaran sujud dengan duduk di atas kerusi.

6- Permasalahan ini termasuk dalam bab menggantikan suruhan syarak, ia seharusnya menepati "kaedah gantian" (*qawa'id al-ibdal*). Antara kaedah yang terdapat dalamnya:

- i. "Selagimana perbuatan asal itu boleh dilakukan maka tidak boleh berpindah kepada penggantinya" (*innama yajuzu al-badal inda al-ajzi an al-asl*).
- ii. "Pegganti itu hanya boleh dilakukan ketika luput asalnya, ia tidak boleh ada selagi mampu mengerjakan perbuatan asal" (*al-badal innama yazharu hukmuhu inda fawat al-asl la ma'a al-qudrah ala al-asl*) (Al-Sarah: T.th).

Mereka yang tidak mampu sujud dalam hal ini masih lagi mampu untuk berdiri dan melaksanakan isyarat sujud dalam keadaan berdiri, kecuali jika berdiri yang agak lama itu boleh mendatangkan mudharat atau menambahkan kesakitan maka bolehlah dia duduk di atas kerusi bagi melaksanakan isyarat menggantikan sujud.

Pendapat kedua: Menggunakan kerusi untuk melaksanakan isyarat rukuk dan sujud darinya adalah harus (Al Qusair: 2017. Al Syawib: T.th). Antara yang dapat dijadikan hujjah untuk pendapat ini:

1- Petunjuk dari kata "*qu'ud*" yang digunakan dalam hadis merangkumi segala jenis duduk. Para ulama bahasa telah berselisih dalam penggunaan kata "*julus*" dan "*qu'ud*" seperti berikut:

Pendapat pertama: Kedua-duanya adalah seerti dan tiada perbezaan diantara keduanya.

Pendapat kedua: "*Julus*" digunakan bagi menunjukkan bangkit untuk duduk daripada baring atau sujud. Sedangkan "*qu'ud*" digunakan untuk duduk daripada berdiri.

Pendapat ketiga: Pendapat ketiga pula adalah berbalik dari pendapat kedua. Iaitu "*julus*" digunakan untuk duduk daripada berdiri dan "*qu'ud*" untuk duduk daripada berbaring atau sujud.

Pendapat keempat: "*Qu'ud*" membawa erti duduk dengan tetap walau untuk beberapa waktu sementara "*julus*" hanya duduk sahaja (Al-Zubaydi: 2012 & Ibnu Manzur: 1999).

Jika diambil pendapat pertama yang tidak membezakan kedua perkataan ini, maka sabda Nabi SAW: "*salli qa'iman fa in lam tastati' fa qa'idan*" merangkumi duduk di atas tanah dan juga kerusi. Mentelah lagi riwayat Imam Muslim yang menyebutkan Nabi SAW duduk di atas kerusi menggunakan kata "*qu'ud*":

{ فَأَتَى بِكُرْسِي حَسِبْتَ قَوَائِمَهُ حَدِيدًا، قَالَ فَقَعَدَ عَلَيْهِ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَجَعَلَ يَعْلَمُنِي مِمَّا عِلْمَهُ اللَّهُ }

(Hadis. Muslim. Kitab: Sembahyang Jumaat. Bab: mengajar di dalam berkhotbah.)

Al-Zubaydi pula mengatakan kata "*julus*" diambil dari "*julus*" yang membawa maksud sesuatu yang keras atau kasar dari bumi. Oleh kerana itu kata ini digunakan untuk duduk di atas tanah (Al Zubaidi: 2012).

Sanggahan terhadap hujah ini adalah dengan: keumuman penggunaan bahasa arab itu dikhususkan oleh dalil dan hujjah yang menunjukkan hendaklah isyarat itu dilakukan dengan mengekalkan gambaran asal sembahyang iaitu berdiri atau duduk jika memungkinkan. Dalam erti kata lain jika seseorang itu tidak mampu berdiri boleh dia duduk samada di atas bumi atau kerusi kerana kata "*qu'ud*" dalam sabda Nabi SAW: "*Sembahyanglah dalam keadaan duduk, jika tidak mampu maka dalam keadaan duduk*" merangkumi setiap jenis duduk. Namun perbincangan ini bukan dalam permasalahan

mereka yang tidak mampu berdiri tetapi ia adalah perbincangan dan permasalahan mereka yang tidak mampu rukuk dan sujud.

Bagi golongan ini dengan jelas Nabi mengarahkan: "Sembahyanglah (sujudlah) di atas bumi jika kamu mampu, jika tidak maka cukup berisyarat dan jadikan rukuk kamu lebih rendah dari sujud". Perkataan "sujud kamu lebih rendah dari rukuk" menunjukkan isyarat rukuk hendaklah dalam keadaan berdiri.

2- Qiyas terhadap mereka yang sembahyang di atas kenderaan. Sepertimana mereka yang mengalami kemudharatan dalam safar diharuskan sembahyang secara duduk di atas kenderaan demikian juga orang yang sakit diberikan keringanan untuk sembahyang di atas kerusi.

Sanggahan terhadap hujjah kedua: Qiyas ini adalah qiyas yang mempunyai perbezaan *al-qiyas ma'a al-fariq* kerana kemudharatan yang dialami oleh mereka yang safar tidak memungkinkan mereka untuk sembahyang di atas bumi dan mengekalkan sebahagian gambaran asal sembahyang, tetapi mereka yang tidak mampu rukuk dan sujud masih mampu berdiri dan mengekalkan sebahagian gambaran sembahyang.

Pendapat Pilihan

Setelah membentangkan pendapat dari kedua belah pihak dan menelitinya, penulis berpendapat bahawa pendapat yang melarang seseorang itu bersembahyang di atas kerusi adalah lebih hampir dengan kebenaran. Ini bersebab ia lebih menepati zahir hadis dan selari dengan beberapa "kaedah menggantikan" (*qawa'id al-ibdal*) seperti "sesuatu yang sabit dengan nas tidak boleh menggantikannya kecuali dengan apa yang sabit dengan nas juga" dan "Peganti hanya boleh dilakukan apabila luput asalnya".

PENGAPLIKASIAN CARA SUJUD BAGI GOLONGAN YANG TIDAK MAMPU SUJUD DALAM MASYARAKAT UMUM

Penggunaan kerusi dalam sembahyang tidaklah menjadi amalan generasi umat Islam sebelum ini dan mereka tidak juga mengenalinya. Masjid-masjid tidak pula menyediakan kerusi untuk kegunaan mereka yang tidak dapat bersujud. Tetapi pada hari ini tidak salah jika dikatakan kesemua umat Islam dari timur ke barat, yang mempunyai keuzuran sehingga tidak dapat bersujud menggunakan kerusi dalam sembahyang mereka. Deretan kerusi juga dilihat bersusun dalam masjid untuk digunakan oleh golongan ini.

Jika hendak diterapkan pendapat para fuqaha mazhab dalam hal ini akan menjadikan sembahyang golongan ini tidak sah dan terbatal. Menjatuhkan kebanyakan ummat Islam dalam kesalahan dan dosa adalah sebuah pekara yang ditolak. Perlu bagi para fuqaha zaman ini mencari jalan penyelesaian dalam permasalahan ini dengan ijtihad yang baru jika memungkinkan demi menyelamatkan ummat Islam dari kesalahan yang besar ini.

Bagi penulis penggunaan konsep *mura'at al-khilaf* di sisi Imam Malik boleh digunakan bagi mengelak menjatuhkan masyarakat Islam sedunia dalam kesalahan. Pengaplikasian pendapat Hanafiyah yang membenarkan mereka yang tidak mampu bersujud untuk melaksanakan sembahyang dengan cara duduk dari awal lagi (takbiratul ihram) mampu mencapai tujuan ini. Walau bagaimanapun bagi mereka yang mengetahui pandangan jumhur ulama terlebih afdhal untuk mengamalkannya kerana mengambil sifat berjaga-jaga (*al-akhdu bi al-ahwat*) dan supaya keluar dari perselisihan yang terjadi dalam masalah ini *al-khuruj min al-khilaf* (Al-Shami: 1436H, Abbasah: 2007 & Qawadiri: 2000).

FATWA MENGENAI SEMBAHYANG DI ATAS KERUSI DARIPADA SEBAHAGIAN INSTITUSI FATWA

Seperti yang disebutkan di atas bahawa penggunaan kerusi dalam sembahyang adalah sebuah perkara baru yang tidak berlaku di zaman Nabi SAW atau sahabat dan para ulama

salaf. Penggunaannya hanya berlaku secara meluas kebelakangan ini. Oleh yang demikian sebahagian institusi fatwa telah mengeluarkan kenyataan berhubung dengan masalah ini.

Mesyuarat fatwa Negeri Sembilan telah mengizinkan mereka yang tidak mampu rukuk atau sujud untuk duduk di atas kerusi dan berisyarat sebagai tanda rukuk atau sujud setelah melaksanakan rukun berdiri seperti biasa. Perhatian harus diberikan pada had rukuk dan sujud agar had tersebut dijaga secara konsisten pada setiap rakaat. Perbezaan had rukuk dan sujud juga perlu diambil kira begitu juga dengan letaknya telapak tangan agar terdapat perbezaan diantara isyarat rukuk dan sujud. (Garis panduan solat dalam keadaan duduk. <https://www.muftins.gov.my>).

Majlis fatwa Wilayah Persekutuan pula menyebutkan dalam Tahqiq Al-Masa'il siri ke-2: Penjelasan berkaitan solat secara duduk di atas kerusi (edisi kemas kini):

"Jika seseorang itu mampu berdiri untuk solat dan tidak mampu untuk rukuk dan sujud, wajib baginya dia berdiri terlebih dahulu. Kemudian baru dirinya duduk dan melakukan rukuk dan sujud. Ini kerana rukun berdiri semasa qiyam wajib dilaksanakan. Kami tegaskan bahawa tidak boleh dan tidak sah sekiranya dia terus duduk sekiranya dia mampu berdiri. Pada asasnya, yang paling utama adalah solat duduk di atas lantai, dan duduk secara iftirasy lebih utama berbanding duduk secara tawarruk dan tarabbu'. Sekiranya tidak mampu, maka dibolehkan untuk solat secara duduk di atas kerusi. Solat duduk di atas kerusi ini menyerupai solat tarabbu' (bersila) dan solat di atas binatang tunggangan".

Majlis Fatwa Wilayah menyambung:

"Sekiranya dia mampu untuk berdiri, namun berasa payah untuk rukuk dan sujud, maka hendaklah dia solat secara berdiri kemudian dia rukuk dan sujud di atas kerusi". Kemudian disambung dengan kenyataan: "Diwajibkan bagi orang yang mampu rukuk tetapi tidak mampu untuk sujud untuk sujud dalam bentuk rukuk dengan menundukkan kepala lebih daripada hak kesempurnaan rukuk, sekiranya mampu. Sekiranya tidak mampu, maka sujudlah dalam bentuk rukuk", kemudian dinukilkan perkataan Imam Al Ramli dari kitab Nihayah yang menyebutkan demikian" (Tahqiq Al-Masail siri ke-2: Penjelasan berkaitan solat secara duduk di atas kerusi (edisi kemas kini). www.muftiwp.gov.my).

Majlis fatwa Kedah pula juga berpandangan solat secara duduk di atas kerusi adalah sah mengikut sebahagian pandangan ulama, kerana perkataan "*qa'ada*" dalam bahasa Arab memberi pengertian duduk secara umum sama ada duduk di atas kerusi atau duduk di atas lantai. Majlis fatwa negeri Kedah lalu mengkategorikan keadaan mereka yang tidak mampu melaksanakan sebahagian rukun sembahyang, diantaranya mereka yang mampu berdiri dan rukuk tetapi tidak mampu sujud. Bagi golongan ini majlis fatwa negeri Kedah berpendapat: "Rukun sujud dilaksanakan dalam keadaan duduk sama ada duduk di atas lantai (paling utama) atau duduk di atas kerusi (bagi yang tidak mampu duduk di atas lantai kerana sakit lutut dan sebagainya)" (Hukum solat cara duduk di atas kerusi bagi orang yang uzur. <http://e-smaf.islam.gov.my>).

Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah Bil. 2 Tahun 2017 yang bersidang pada 23-24 Mei 2017 juga bersetuju akan keharusan berisyarat bagi menandakan sujud dalam keadaan duduk di atas kerusi setelah mana dilaksanakan rukun berdiri, rukuk dan iktidal seperti biasa. Bagi mereka yang hanya mampu berdiri sahaja pula, hendaklah berdiri terlebih dahulu kemudian bolehlah duduk untuk melakukan rukuk dan sujud. Dalam kes ini, perbuatan rukuk dan sujud dilakukan secara isyarat sahaja iaitu seseorang itu mengisyaratkan kepala dengan tunduk sedikit semasa rukuk dan juga menundukkan badan lebih sedikit dari kadar tunduknya semasa rukuk apabila bersujud (Solat secara duduk di atas kerusi. <http://e-smaf.islam.gov.my>).

Majlis fatwa Jordan juga mengharuskan penggunaan kerusi bagi yang tidak dapat melaksanakan rukuk dan sujud seperti biasa dengan syarat dia berdiri dahulu untuk bertakbiratul ihram dan membaca fatihah kemudian duduk untuk memberi isyarat bagi menandakan rukuk dan kemudian berdiri untuk iktidal dan kembali duduk di atas kerusi untuk isyarat sujud (Hukum sembahyang di atas kerusi di dalam masjid. 2010. www.aliftaa.jo).

Daripada beberapa kenyataan fatwa yang dibentangkan di atas didapati penggunaan kerusi dalam sembahyang adalah diharuskan dan tidak bercanggah dengan kehendak syarak, walaupun mengekalkan cara yang ditunjukkan Nabi SAW adalah lebih baik dan afdal.

BATASAN PENGGUNAAN KERUSI DI DALAM SEMBAHAYNG

- i. Hendaklah duduk dengan tegak, tidak menyandar atau menongkatkan tangannya di tempat meletakkan tangan. Berisyarat untuk rukuk dan sujud dari kerusi menggantikan berisyarat dari keadaan berdiri, maka pengganti mengambil hukum pekara yang digantikannya, kaedah ini banyak disebutkan oleh para fuqaha seperti "*yaqumu al-badal maqam al-mubdal*" dan "*al-badal lahu hukm al-mubdal minhu*" (Al-Sarah: T.th).
- ii. Maka sepertimana bersandar dalam keadaan berdiri atau bertongkat dalamnya membatalkan sembahyang jika dia akan jatuh apabila diangkat tempat yang dia bersandar atau bertongkat kepadanya, begitu juga ketika dia sembahyang dalam keadaan duduk kecuali dengan uzur seperti dia akan jatuh kalau tidak bersandar dan sebagainya.
- iii. Hendaklah kedua telapak kakinya tetap di atas lantai dan betisnya menegak (merekalkan gambaran berdiri). Jika kakinya berjengket atau satu telapak kakinya tidak tetap maka hukumnya adalah makruh di sisi ulama syafi'. Keadaan yang disebutkan tadi dikenali dengan "*al-sifn*". Begitu juga makruh jika kedua telapak kaki dirapatkan (*al-safd*) (Al-Khatib: 2001).
- iv. Tidaklah duduk dengan cara melunjur, menggantung kaki, meletakkan satu telapak kaki di atas satu lagi. Dengan ini kerusi yang dipilih itu janganlah terlalu tinggi sehingga kaki tidak menjejak bumi atau terlalu rendah sehingga tidak dapat menegakkan betis dan terpaksa melunjur.
- v. Kerusi itu tidaklah terlalu selesa atau sempit sehingga menghilangkan kekhusyukkan.
- vi. Hendaklah cuba mengekalkan sifat kerendahan, kehinaan dan perhambaan dalam sembahyang.
- vii. Kerusi yang dipilih tidaklah mengganggu jemaah lain samada dengan saiznya atau coraknya.
- viii. Hendaklah secara konsisten membezakan antara keadaan tunduk untuk rukuk dan tunduk untuk sujud pada setiap rakaat.

PENUTUP

Penggunaan kerusi dalam sembahyang adalah sebuah pekara baru dalam masyarakat Islam yang tidak diamalkan oleh masyarakat terdahulu. Para ulama klasik hampir bersepakat bahawa mereka yang tidak mampu untuk sujud hendaklah menggantikannya dengan berisyarat dalam keadaan berdiri dan hendaklah isyarat itu dengan mencondongkan badan ke hadapan dalam keadaan lebih rendah daripada rukuk jika mampu seperti yang tersebut di dalam sebuah hadis. Hanya segelintir ulama menuntut isyarat itu dilaksanakan dalam keadaan duduk.

Dengan ini pendapat yang melarang penggunaan kerusi adalah lebih hampir dengan kebenaran berbanding yang mengharuskannya kerana kekuatan hujjah mereka terutama apabila ia selari dengan "kaedah menggantikan" dan hadis Nabi SAW. Namun begitu dalam mengaplikasikan hukum ini keatas masyarakat Islam sedunia adalah lebih utama jika diambil pendapat mazhab Hanafi yang membolehkan seseorang yang tidak mampu bersujud untuk duduk daripada takbiratul ihram agar tidak menghukumkan batalnya kesemua sembahyang ummat Islam yang tidak mampu bersujud. Duduk itu boleh dilakukan di atas lantai atau kerusi kerana lafaz "*al-qu'ud*" merangkumi kedua-dua makna tersebut. Kerusi yang hendak digunakan dalam sembahyang hendaklah tidak mengganggu kekhusyukan orang yang menggunakannya dan begitu juga jemaah lain.

RUJUKAN

- Abbasah, Id. 2007. *Qa'idah Mura'ah Al-Khilaf wa Atharuhu fi al-Fiqhi Al-Islami*. Algeria: Wahran University.
- Abu Dawud, Sulaiman. T.th. *Sunan Abu Dawud*. Beirut: Darul Fikr.
- Al-Amir, Muhammad bin Muhammad. 2011. *Al-Iklil Sharh Mukhtasar Al-Khalil*. Al-Qahirah: Dar Al-Fadhilah.
- Al-Bahuti, Mansur bin Yunus. 2004. *Al-Rawd Al-Murbi' Sharh Zad al-Mustaqni'*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah.
- Al-Bayhaqi, Ahmad bin Husayn. 2005. *Al-Sunan Al-Kubra*. Beirut: Dar Al-Fikr.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. 1987. *Sahih Bukhari*. Al-Qahirah: Dar Ar Rayyan lit Turath.
- Al-Fishni, Ahmad bin Hijazi. 2009. *Mawahib Al-Samad Ala Matn Al-Zubad*. Al-Qahirah: Dar Al-Fadhilah.
- Al-Haytami, Ahmad bin Hajar. T.th. *Tuhfat al-Muhtaj bi Sharh Al-Minhaj*. Beirut: Dar Al-Fikr.
- Al-Hattab, Muhammad bin Muhammad Al-Ra'ini. 2010. *Mawahib Al-Jalil Sharh Mukhtasar Al-Khalil*. Al-Qahirah: Dar Al-Hadith.
- Al-Khatib, Omar. 2001. *Panduan Ilmu Fiqh Syeikh Omar Al-Khatib*. Singapura: SAH Publication.
- Al-Khurashi, Muhammad bin Abdullah. 1997. *Hashiyah Al-Khurashi Ala Mukhasar Sidi Khalil*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah.
- Al-Mahalli, Muhammad bin Ahmad. 1998. *Sharh Al-Mahalli Ala Minhaj Al-Thalibin*. Beirut: Dar Al-Fikr.
- Al-Maliki, Muhammad bin Alawi. T.th. *Manhaj al-Salaf fi Fahm al-Nusus Bayna Al-Nazariyyat wa al-Tatbiq*. Surabaya: Hay'ah Safwah.
- Al-Maqdisi, Abd al-Rahman bin Muhammad. 2004. *Al-Sharhu Al-Kabir*. Al-Qahirah: Dar Al-Hadith.
- Al-Maqdisi, Muhammad bin Qudamah. 2004. *Al-Kafi fi Fiqh Al-Imam Ahmad bin Hanbal*. Al-Qahirah: Dar Al-Aqidah.
- Al-Qusayr, Ali bin Ibrahim. 2017. *Al-Ahkam Al-Fiqhiyyah Al-Muta'alliqah bi Sifat Al-Salah Ala Al-Kursi*. Riyad: Jami'ah Malik Al-Sa'ud.
- Al-Ramli, Muhammad bin Ahmad. 2012. *Nihayah Al-Muhtaj Ila Sharh Al-Minhaj*. Al-Qahirah: Al-Maktabah Al-Tawfiqiyah.
- Al-San'ani, Abd al-Razzaq bin Hammam. 1983. *Musannaf Abd al-Razzaq*. Beirut: Maktabah Al-Islami.
- Al-Sarah, Ahmad bin Muhammad. T.th: *Qawa'id Al-Badal wa Tatbiqatuha Al-Fiqhiyah*. Saudi: Jami'ah al-Imam Muhammad bin Sa'ud.
- Al-Shami, Muhammad bin Ibrahim. 1436H. *Al-Akhduh bi al-Ihtiyat Inda Al-Usuliyin*. Riyad: Jami'ah Al-Imam Muhammad bin Sa'ud.
- Al-Sharbini, Muhammad Al-Khatib. T.th. *Mughni Al-Muhtaj*. Beirut: Dar Al-Fikr.
- Al-Shawib, Fahad bin Abd al-Rahman. T.th. *Al-Salah Ala Al-Kursi Ahkam wa Tanbihat wa Masa'il*. Saudi: Maktabah Al-Da'wah.
- Al-Zubaydi, Muhammad Murthada. 2012. *Taj Al-Arus min Jawahir Al-Qamus*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah.
- Al-Albani, Muhammad Nasir al-Din, T.th. *Silsilat Al-Ahadith Al-Sihhah*. Riyad: Maktabah Al-Ma'arif.
- Al-Nawawi, Yahya bin Sharaf. T.th. *Sharh Muslim*. Beirut: Mu'assasah Al-Kutub Al-Ilmiyah.
- Al-Shatibi, Ibrahim bin Musa. 2003. *Al-I'tisam*. Al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- Al-Tarmizi, Muhammad bin Isa. 1983. *Sunan Al-Tarmizi*. Beirut: Dar Al-Fikr.
- Al-Tabrani, Sulayman bin Ahmad. 1983. *Al-Mu'jam Al-Kabir*. Al-Qahirah: Maktabah Ibnu Taymiyah.
- Al-Tabrani, Sulayman bin Ahmad. 1995. *Al-Mu'jam Al-Awsat*. Al-Qahirah: Dar Al-Haramayn.
- Ibnu Abidin, Muhammad Amin. 2003. *Rad Al-Mukhtar*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah.
- Ibnu Hibban. 1993. *Sahih Ibnu Hibban*. Beirut: Mu'assasah Al-Risalah.

- Ibnu Majah, Muhammad bin Yazid. T.th. *Sunan Ibnu Majah*. Al-Qahirah: Maktabah Isa Al-Babi Al-Halabi wa Awladuhu.
- Ibnu Manzur. 1999. *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi.
- Ibnu Nujaym, Umar bin Ibrahim. 2002. *Al-Nahru Al-Fa'iq Sharh Kanz Al-Daqa'iq*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah.
- Malah, Muhammad Rabhi. 2010. *Al-Tarku Inda al-Usuliyin*. Nablus: Maktabah Jami'ah Najah.
- Muslim bin Hajjaj. T.th. *Sharh Muslim*. Beirut: Mu'assasah Al-Kutub Al-Ilmiyyah.
- Qawadiri, Mukhtar. 2000. *Mura'at Al-Khilaf wa Atharuhu fi al-Fiqh Al-Islami*. Pakistan: International Islamic University, Islamabad.
- Saqar, Atiyyah. 2011. *Ahsan al-Kalam fi al-Fatawa wa al-Ahkam*. Al-Qahirah: Maktabah Wahbah.

Internet

- Garis Panduan Solat Dalam Keadaan Duduk. <https://www.muftins.gov.my/index.php/arkib2/himpunan-fatwa/171-keputusan-mesyuarat-fatwa/902-garis-panduan-solat-dalam-keadaan-duduk> (Diakses pada 30 Ogos 2019).
- Haqqi, Khasyi. T.th. *Hukmu Ada' Al-Salah Al-Maktubah ala Al-Kursi. Naseem Al-Sham*. <https://naseemalsham.com> (Diakses pada 28 Januari 2019).
- Hukmu Al-Salah Ala Al-Kursi fi Al-Masjid*. <https://www.aliftaa.jo/Decision.aspx?DecisionId=139#.XWnszSgzY2w> (Diakses pada 30 Ogos 2019).
- Hukmu Al-Salah Ala Al-Kursi*. al-Majlis al-Islami li al-Ifta bi Bayt al-Maqdis. <http://www.fatawah.net/Questions/7429.aspx> (Diakses pada 12 Disember 2018).
- Hukum Solat Cara Duduk Di Atas Kerusi Bagi Orang Yang Uzur. <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/3> (Diakses pada 30 Ogos 2019).
- Solat secara duduk di atas kerusi. <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/3>. (Diakses 30 Ogos 2019).
- Tahqiq Al-Masail siri ke-2: Penjelasan berkaitan solat secara duduk di atas kerusi (edisi kemas kini). <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/tahqiq-al-masail/1008-tahqiq-al-masail-siri-ke-2-penjelasan-berkaitan-solat-secara-duduk-di-atas-kerusi> (Diakses pada 30 Ogos 2019).

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.